

Tiada tangan, kaki tak halang raih kejayaan

» **Graduan UPM
guna kerusi
roda peroleh
sarjana muda**

■ Serdang

Ketidaaan kedua-dua kaki dan tangan, selain mengalami masalah kongenital, bukan penghalang kepada Suhazli Muhamad, 23, untuk berjelar graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Suhazli yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.14 berkata, pada mulanya beliau berdepan dilema untuk menyambung pengajian kerana memikirkan kekurangan

dialami.

"Ketika dapat surat tawaran belajar di UPM pada tahun 2011, saya rasa macam tak yakin sama ada boleh bertahan atau tidak. Bagaimanapun, saya berfikiran positif dan cuba sesuaikan diri dengan keadaan sebagai pelajar di sini."

"Alhamdulillah, walaupun saya bergerak menggunakan kerusi roda, UPM banyak membantu terutama dari aspek menyediakan kemudahan untuk pelajar orang kurang upaya (OKU)."

"Jadi, apabila saya hendak bergerak ke kelas atau ke mana-mana, ada pemandu disediakan khas berkhidmat menghantar dan mengambil saya selama empat tahun pengajian di sini," katanya ketika ditemui di UPM di sini, semalam.

Suhazli adalah antara 7,056 graduan pelbagai bidang yang ber-



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kiri) bersama Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli (kanan) berbual mesra dengan **Suhazli pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-39** di Serdang, semalam.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

jaya menamatkan pengajian dan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah serta diploma masing-masing membabitkan lapan sesi pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-39, bermula semalam.

Kejayaan jadi contoh

Berikut itu, Suhazli berharap kejayaannya dijadikan contoh go-

longan OKU lain untuk maju tanpa menghiraukan kekurangan dialami dan cabaran lain.

"Saya tak rasa malu sebaliknya terima keadaan diri saya begini dan buktikan saya juga mampu berjaya macam orang normal."

"Bagi saya, OKU lain tak perlu malu dengan masyarakat. Mere-

ka perlu ke depan tonjolkan diri dan bakat mereka ada untuk berjaya dalam hidup," katanya.

Sebelas tahun lalu, Suhazli yang mengalami kecacatan sejak lahir, menjadi tajuk utama akbar dan mendapat liputan meluas media elektronik di seluruh negara apabila beliau muncul antara pelajar terbaik Sekolah Kebangsaan (SK) Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, selepas memperoleh 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), pada tahun 2004.

Hidap Amnesia

Sementara itu, Rosmadi Mat Amin, 26, perlu melalui tempoh lama iaitu lapan tahun sebelum menggenggam segulung ijazah dalam jurusan Sains Pembangunan Manusia berikutan masalah Amnesia iaitu penyakit mudah lupa serta kanser kelenjar tahap dua.

"Saya pernah berputus asa dan hantar surat berhenti belajar di UPM kerana masalah kesihatan yang sering membelenggu.

"Saya juga pernah belajar dan mengambil peperiksaan di hospital kerana menjalani rawatan kemoterapi selama enam bulan tetapi ia bukan penghalang untuk saya terus menimba ilmu."

"Hari ini (semalam), saya hamipr tidak percaya berjaya menggenggam segulung ijazah selepas melalui pelbagai rintangan," katanya.